

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Bin Musa [Keterah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pencegahan dan kesedaran yang dirangka antara Kementerian dan agensi berkaitan bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes dan seterusnya mengekang virus zika khususnya di kawasan luar Bandar yang berisiko.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang hangat diperbincangkan dan diperdebatkan. Ingin saya menyatakan di sini berdasarkan isu semasa jangkitan virus Zika yang mula dilaporkan di Brazil pada Mei 2015 dan sehingga 26 Februari 2016, "World Health Organization" (WHO) telah melaporkan sebanyak 40 negara telah mencatatkan kejadian kes Zika.

Penyakit Zika ini mempunyai tanda-tanda dan gejala menyerupai demam denggi seperti demam, sakit otot, sakit sendi, sakit kepala, sakit di belakang mata, konjunktivitis dan ruam. WHO juga telah melaporkan bahawa terdapat kaitan diantara kejadian jangkitan virus Zika dengan kejadian “microcephaly” di Brazil dan “Guillain-Barre Syndrome” di beberapa negara lain.

Pada 1 February 2016, mesyuarat pertama “Emergency Committee dibawah “International Health Regulation” (IHR), Ketua Pengarah WHO telah mengisytiharkan jangkitan virus Zika adalah merupakan “Public Health Emergency of International Concern” (PHEIC).

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya maklumkan juga di sini bahawa nyamuk Aedes menyebarkan penyakit Denggi, Chikungunya, Yellow Fever, West Nile dan sekarang penyakit Zika. Maka Malaysia adalah berisiko tinggi untuk berlakunya wabak Zika kerana kehadiran nyamuk Aedes yang tinggi di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri, hospital serta klinik swasta pada 4 Februari 2016. Langkah – langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan virus Zika adalah melaksanakan:

- i. Pemantauan rapi untuk jangkitan virus Zika dan kes “microcephaly” di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) termasuk pemantauan di pintu masuk darat, udara dan laut.

- ii. Melakukan aktiviti kawalan bagi “suspected case” iaitu mereka yang pulang dari negara yang melaporkan kes jangkitan virus Zika di tempat mereka tinggal semasa berada di dalam negara ini. Kawalan yang dilakukan adalah seperti kawalan wabak denggi.
- iii. Mengeluarkan “Zika Alert” dan memaklumkan mengenai situasi virus Zika serta pelaksanaan pengurusan jangkitan virus Zika kepada fasiliti kesihatan swasta.
- iv. Bagi kes yang didiagnosa sebagai “suspected case”, pengamal perubatan yang merawat pesakit hendaklah menasihatkan pesakit untuk melindungi diri dari gigitan nyamuk dan menggunakan repelen serta memakai pakaian yang bersesuaian. Pesakit juga dinasihatkan menghadkan pergerakan diri dan berada di rumah.
- v. Meningkatkan pemantauan di pintu masuk dengan mengedarkan Nasihat Kesihatan (“Health Advisory”) kepada pelancong dan rakyat Malaysia berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya mempunyai gejala demam, konjunktivitis dan ruam dalam tempoh tujuh (7) hari setelah kembali dari negara yang melaporkan jangkitan virus Zika. Bagi mereka mempunyai simptom ini hendaklah melaporkan diri ke tempat saringan di pintu masuk atau Klinik Kesihatan berhampiran dengan kadar segera

- vi. Menasihatkan masyarakat untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes setiap minggu. Selain itu, menggalakkan masyarakat melindungi diri dari gigitan nyamuk dengan memakai pakaian yang menutupi anggota badan dan menggunakan ubat pencegahan gigitan (repelen) secara tetap.

Hasil pemantauan KKM melalui surveilans makmal yang dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 23 Februari 2016, mendapati tiada jangkitan virus Zika dikesan di negara ini daripada sebanyak 414 sampel darah yang telah diuji.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan (KKM) amat komited dan telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah pencegahan bagi mengawal pembiakan nyamuk seperti berikut :-

- iv. Meningkatkan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong (JKKK) atau perwakilan penduduk di kawasan kampong /FELDA/ FELCRA untuk menggerakkan masyarakat luar bandar melakukan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes termasuk aktiviti gotong royong.
- v. Meningkatkan aktiviti promosi kesihatan untuk mendapatkan penglibatan masyarakat di rumah-rumah ibadat, balai raya serta di

pelbagai media massa samada di televisyen, akhbar tempatan, radio serta penggunaan media sosial seperti *facebook* dan *whatsapp*.

vi. Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan nyamuk Aedes melalui penubuhan pasukan COMBI terutama di luar bandar yang berisiko.

SOALAN (35)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

SOALAN :-

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan strategi
penambahbaikan pengurusan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal
industri terutamanya di kawasan luar bandar dan seterusnya mampu
mengurangkan kadar pencemaran dan sekaligus menambahbaik mutu
kesihatan penduduk sekitar.**

JAWAPAN :

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar belum dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) disebabkan oleh kekangan kuasa dan sistem perundangan. Pada masa ini, pengurusan sisa pepejal di luar bandar diuruskan oleh agensi-agensi luar bandar seperti Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam (BAKAS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan sebagainya. Namun demikian, pihak Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sedang menyelaras strategi dan pelan tindakan di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Persekitaran (NEHAP) dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Pembangunan Wilayah.

Bagi pengurusan sisa pepejal industri, Kerajaan sedang merangka kertas dasar bagi melaksanakan program 3R (*Reuse, Reduce & Recycle*) kepada pihak industri menerusi pelaksanaan projek rintis bagi industri terpilih. Pelan tindakan ini akan dilaksanakan mulai tahun 2016 - 2020.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

SOALAN :-

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bentuk
kajian impak mengenai harga rumah mampu milik dengan purata
pendapatan boleh guna golongan M40 yang menetap di bandar agar
golongan ini mampu memiliki kediaman sendiri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan harga rumah mampu milik di bandar-bandar utama adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama antaranya faktor lokasi, kos pembinaan, tanah, aktiviti spekulasi serta beberapa faktor lain. Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), indeks harga rumah pada data awalan Suku Tahun Ketiga 2015 (225.2 mata) telah mengalami penurunan sebanyak 2.5% berbanding Suku Tahun Ketiga 2014 (213.6 mata) iaitu daripada 7.9% kepada 5.4%.

Kerajaan sedang menjalankan satu kajian untuk memperkenalkan satu program perumahan untuk golongan M40. Program ini akan menyediakan perumahan untuk disewa bagi golongan belia dan berpendapatan sederhana di bandar-bandar utama di seluruh negara. Selain itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa skim / langkah bagi membantu golongan ini untuk memiliki rumah terutamanya di kawasan bandar. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) yang menawarkan insentif sebanyak RM30,000 seunit kepada pembeli-pembeli rumah di bawah skim ini;
- (ii) memperkenalkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dengan peruntukan sebanyak RM200,000,000 di dalam Bajet 2016 untuk membantu pembeli rumah pertama membayar deposit bagi memiliki rumah; dan
- (iii) mensyaratkan agar semua penjualan rumah berharga hingga RM300,000 seunit dihadkan kepada pembeli rumah pertama sahaja seperti yang diumumkan dalam perutusan Pengubahsuaian Bajet 2016 yang lalu.

Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan berharap golongan M40 yang menetap di bandar-bandar dapat memanfaatkan insentif-insentif yang disediakan dengan sebaiknya untuk memiliki rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016